

# Menyelami keunikan ORANG ASLI

Pemerhatian, penyertaan dalam masyarakat beri pengalaman berguna kepada penuntut

Sinar 19/10/2011  
ms 4/5.

**B**ila sebut sahaja perkataan 'Orang Asli', pasti kita akan membayangkan sekumpulan masyarakat yang tinggal di kawasan hutan, berambut kerinting dan berkulit gelap menetap dalam rumah yang berdinding dan beratapkan daun nipah. Namun di Ulu Kuang, Rawang, Orang Asli kita bayangkan sama sekali berbeza dengan mereka yang ada di sini.

Masyarakat di sini, ada segelintirnya yang sudah mula tinggal dalam rumah batu moden dan juga sudah mula menerima arus perkembangan dan teknologi semasa. Tidak ada bezanya dengan masyarakat yang tinggal di bandar. Cuma, mereka masih lagi mengekalkan tradisi dan kepercayaan mereka, selain masih merasakan mereka dipinggirkan dari sama-sama mencapai transformasi negara.

Justeru, penuntut Universiti Selangor (Unisel) jurusan Komunikasi dan Media (FKM) mengambil inisiatif melakukan aktiviti khidmat masyarakat dan program anak angkat di Ulu Kuang sebagai salah satu langkah bagi merapatkan jurang yang memisahkan antara masyarakat Orang Asli dengan masyarakat bandar.

Menurut pensyarah juga penasihat program ini, Norazian Abdul Aziz, aktiviti kemasyarakatan ini dinamakan sebagai "Dukung" singkatan daripada tema program mereka iaitu "Dari Unisel ke Ulu



**Pokok limau disampaikan kepada keluarga angkat masing-masing.**

Kuang". Selain bertujuan merapatkan jurang, program ini juga diadakan bagi membentuk kesedaran dalam kalangan penuntut betapa pentingnya pengetahuan tentang kebudayaan.

"Sebagaimana yang kita tahu, masyarakat Orang Asli mempunyai pelbagai budaya menarik yang boleh diketengahkan kepada penuntut. Sebagai contoh, tarian sewang yang diadakan pada malam kebudayaan merupakan satu budaya yang jarang

kita dapat lihat andai tidak datang ke sini. Tambahan pula, kita juga tahu bahawa masyarakat Orang Asli mempunyai pegangan turunturun yang masih diamalkan sehingga kini yang boleh diambil sebagai satu bentuk pembelajaran dan pengalaman menarik buat penuntut," kata Norazian kepada Kampus.

Program tiga hari dua malam ini turut mendedahkan penuntut kepada pelbagai budaya unik



Barisan peserta yang terlibat dengan aktiviti kemasyarakatan di perkampungan Orang Asli Ulu Kuang.



Malam kebudayaan menampilkan kumpulan kanak-kanak Orang Asli mempersembahkan lagu dan tarian sewang.



ADILA



NORAZIAN

penuntut universiti datang ke kampung kami. Mereka datang, pacak banting mereka, kemudian mereka pergi dan tidak datang kembali. Itu merupakan sesuatu yang mengecewakan kami. Kami harap penuntut Unisel tidak berbuat demikian dan berharap hubungan yang terjalin akan berkekalan sampai bila-bila," kata Hara.

Hara juga memberitahu, kedatangan penuntut Unisel juga diharap dapat memberikan perubahan kepada kampungnya terutama dari sudut pendidikan dan juga sosial. Harapan Hara kepada mahasiswa Unisel yang

masyarakat Orang Asli. Ia juga merupakan projek akhir penuntut bagi melengkapkan kursus pengurusan acara dan komunikasi (JMD 3223).

"Sebanyak 70 peratus markah diberikan untuk projek akhir ini. Penuntut akan dinilai melalui cara mereka melakukan tugas dan bekerja dalam satu kumpulan. Mereka juga akan dinilai melalui tanggungjawab yang diberikan, selain melalui pembawaan peranan mereka sepanjang berada di sana," katanya.

Peserta dibahagikan kepada



beberapa kumpulan dan keluarga angkat masing-masing. Mereka akan tidur, dan makan di samping melakukan aktiviti sepanjang program bersama keluarga angkat masing-masing seperti sukaneka, persembahan kebudayaan dan juga gotong-royong membersihkan kawasan.

Bertanyakan mengapa mereka memilih lokasi Ulu Kuang, Norazian memberitahu, Unisel merupakan universiti negeri, jadi Ulu Kuang dipilih kerana ia merupakan penempatan Orang Asli yang berada di dalam Selangor.

"Buat apa kita pergi ke perkampungan yang berada di negeri luar sedangkan negeri kita sendiri juga mempunyai perkampungan Orang Asli yang tersendiri. Malah kita masih boleh lihat kawasan hutan yang masih dipelihara cantik dan belum diteroka walaupun kampung ini berada di sebuah negeri yang membangun. Siapa sangka Rawang juga mempunyai perkampungan Orang Asli?" kata Norazian lagi.

## TOK BATIN, PENUNTUT TERUJA

Selaku tuan rumah, pasti perasaan teruja menerima kunjungan tetamu yang datang untuk membawa perubahan kepada kampungnya. Menurut Tok Batin Orang Asli Ulu Kuang, Hara Busu, 42, kedatangan penuntut Unisel ini sangat dialu-alukan.

"Ini bukan kali pertama

kepada mahasiswa Unisel yang turut serta dalam aktiviti ini agar tidak melupakan mereka setelah berjaya nanti dan terus menghulurkan bantuan dalam membangunkan masyarakat Orang Asli seperti mereka.

Bagi pengarah projek, Adila Norliz Zaini, 20, pertama kali mengetuai projek sebegini memberikan pengalaman yang menarik buatnya.

"Jika bukan kerana menguruskan acara sebegini, saya rasa mungkin agak sukar untuk saya tiba di sini, sekali gus mengenali budaya masyarakat Orang Asli. Alhamdulillah, program berjalan lancar dan kami berasa teruja kerana menerima kerjasama dan tajaan daripada pelbagai pihak seperti Jabatan Kemajuan Orang Asli (JKOA), Bernas, CSI Sugar, DBKL dan Voke Com.

"Kami juga turut menghadiahkan keluarga angkat masing-masing pokok limau. Kami memilih pokok limau kerana selain ia mudah ditanam, diharap ia dapat memberikan hasil kepada penduduk kampung di Ulu Kuang ini," Kata Adila.

Bagi pihak fakulti, kerjasama dengan Orang Asli Ulu Kuang akan diteruskan di mana mereka merancang untuk mengambil perustakaan di situ sebagai anak angkat fakulti agar mereka dapat terus menyumbang kepada masyarakat di situ, terutama dari sudut pendidikan kepada golongan muda.